

*Dikemaskini pada Julai 2019***Terma dan Syarat bagi Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i)**

Terma dan Syarat Tawarruq CASA-i ini hendaklah dibaca secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am bagi Akaun Deposit dan Deposit Perbankan Islam dan mana-mana terma dan syarat berkenaan lain yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu, serta kaedah dan peraturan yang mengikat ke atas HLISB.

1. Definisi & Tafsiran**1.1 Definisi**

Dalam Terma dan Syarat ini, terma-terma dan ungkapan berikutnya haruslah mempunyai maksud yang ditetapkan kecuali di dalam konteks yang sebaliknya:-

"Ejen" bermaksud HLISB akan dilantik oleh Pelanggan untuk melakukan semua tindakan tertentu bagi pihak Pelanggan di bawah prinsip Syariah Wakalah dalam perkara-perkara berhubung dengan Tawarruq selaras dengan terma-terma dalam Terma dan Syarat ini.

"Platform Perdagangan Komoditi " adalah platform perdagangan yang membolehkan transaksi Tawarruq dan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah HLISB.

"Dagangan Komoditi (CT)" bermaksud urus niaga jual beli selaras dengan prinsip Syariah Tawarruq.

"Komoditi" bermaksud barangan atau aset yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah HLISB. Jenis komoditi yang dipersetujui untuk dibeli adalah mengikut budi bicara mutlak HLISB sebagai ejen bagi Pelanggan pada harga yang dipersetujui.

"Kadar Keuntungan Kontrak (CPR)" bermaksud kadar yang digunakan untuk mengira jumlah keuntungan Harga Jualan.

"Tarikh Semasa" bermaksud hari bila urus niaga/peristiwa berlaku.

"Penyerahan Komoditi" bermaksud penyerahan komoditi kepada Pelanggan yang telah memohon untuk mengambil milikan fizikal komoditi.

"Kadar Keuntungan Efektif" bermaksud kadar sebenar yang digunakan bagi akruan keuntungan dan pengkreditan keuntungan.

"Penghujung Hari (EOD)" adalah masa penutupan penghujung hari pada jam 2359.

"Hari Apungan" bermaksud bilangan hari yang diperlukan untuk menunaikan cek.

"Murabahah" merujuk kepada jual beli Komoditi di mana kos pengambilalihan /pembelian serta margin dinyatakan kepada pembeli.

"Deposit Bersih" adalah baki (EOD) pada Hari 1 atau apa-apa kenaikan deposit berikutnya pada baki EOD pada mana-mana hari, tidak termasuk apungan.

"Keuntungan" adalah perbezaan di antara Harga Belian dan Harga Jualan Komoditi.

"Hari Pengkreditan Keuntungan " ialah di mana jumlah keuntungan terakru bagi suatu tempoh tertentu akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan yang merupakan penyelesaian separa/penuh Harga Jualan oleh HLISB untuk urus niaga Murabahah bagi tempoh tersebut.

“Harga Belian” adalah amaun bersamaan dengan Deposit Bersih Pelanggan yang akan digunakan untuk membeli Komoditi pada Hari Dagangan.

“Rebat” mewakili “pelepasan ke atas hak tuntutan” yang diberikan oleh seseorang kepada seorang yang lain yang mempunyai obligasi yang harus diberi. Dalam hal ini, dengan merujuk kepada 2.14, Rebat diberi oleh Pelanggan kepada HLISB ke atas Harga Jualan.

“Baki Hari” bermaksud bilangan hari dari Tarikh Semasa sehingga Tarikh Tamat Tempoh.

“Deposit Cagaran” bermaksud amaun yang dibayar oleh HLISB sebagai aku janji untuk membeli Komoditi daripada pelanggan.

“Harga Jualan” bermaksud amaun perlu dibayar oleh HLISB untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan berasaskan Murabahah yang terdiri daripada harga Belian Komoditi (Deposit Bersih) dan keuntungan.

“Sub Ejen” bermaksud HLISB melantik pihak ketiga (penyedia platform perdagangan komoditi) di bawah prinsip Syariah Wakalah untuk mengambil tindakan tertentu bagi HLISB dalam perkara-perkara berhubung dengan Tawarruq selaras dengan terma dan syarat yang dipersetujui.

“Tawarruq” juga dikenali sebagai “Murabahah (melalui susunan Tawarruq)” merujuk kepada urus niaga jual beli berbilang dalam satu masa tertentu. Dalam produk ini, pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal dan kemudian menjual Komoditi kepada HLISB pada Harga Jualan berasaskan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan pada akhir tamat tempoh (selepas mengambil kira apa-apa rebat, sekiranya ada). HLISB selepas itu akan menjual Komoditi kepada pihak ketiga secara tunai.

“Tempoh” bermaksud tempoh pengiraan dalam hari daripada Tarikh Efektif hingga Tarikh Tamat Tempoh.

“Tarikh Efektif” bermaksud Hari 1 selepas Tarikh Tamat Tempoh dan seterusnya hari di mana terdapat Deposit Bersih (jika ada).

“Tarikh Tamat Tempoh” merujuk kepada 31 Disember setiap tahun. Keuntungan yang dikreditkan ke dalam akaun pada tarikh ini dianggap sebagai penyelesaian baki Harga Jualan bagi tempoh tersebut. Untuk akaun dengan baki minimum yang telah dipersetujui, tempoh tarikh luput adalah pada tarikh pengkreditan keuntungan.

“Hari Dagangan” bermaksud hari-hari bila mana CT dilaksanakan dari Isnin hingga Ahad dan di mana platform perdagangan komoditi dibuka untuk dagangan.

2. Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i)

2.1 Akaun ini adalah berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.

2.2 Simpanan di bawah Tawarruq CASA-i hendaklah dalam Ringgit Malaysia (“RM”) dan jumlah minimum adalah seperti yang ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu.

2.3 Tempoh

(a) Bagi Tawarruq CASA-i, tempoh (dalam hari) dikira dari Tempoh Tarikh Efektif hingga Tarikh Tamat Tempoh. Tempoh Tarikh Efektif adalah:-

- (i) Hari 1 selepas Tarikh Tamat Tempoh; atau
- (ii) Pada tarikh pembukaan akaun; atau
- (iii) Jika terdapat deposit bersih pada mana-mana hari tertentu.

- (b) Keuntungan Terakru yang dikreditkan pada tarikh tamat tempoh dianggap sebagai penyelesaian baki Harga Jualan bagi transaksi jualan yang dikontrak terdahulu.
- 2.4 Deposit Cagaran (SD) mengikut konsep Syariah Hamish Jiddiyah akan dibayar oleh HLISB kepada Pelanggan sebagai aku janji yang dibuat oleh HLISB untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.
- (a) SD diperoleh daripada formula berikut yang dikira ke atas T:
Formula: Deposit Bersih x Kadar Keuntungan Efektif x 1/365
 - (b) Perlaksanaan SD adalah atas akruan harian ke atas Deposit Bersih sebelum CT.
 - (c) SD akan dibayar oleh HLISB kepada Pelanggan untuk sebagai aku janji yang dibuat oleh HLISB untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan.
 - (d) Sebaik sahaja CT dilaksanakan, SD akan menjadi sebahagian daripada Harga Jualan.
 - (e) Sebaik sahaja SD dikira, HLISB akan membayar amaun tersebut dan Pelanggan akan mengetahui amaun tersebut. Walau bagaimanapun amaun tersebut tidak boleh digunakan oleh Pelanggan.
 - (f) SD akan dikembalikan kepada HLISB sekiranya pembelian komoditi oleh HLISB daripada Pelanggan tidak berlaku. Walau bagaimanapun, HLISB boleh melepaskan haknya ke atas amaun SD disebabkan penutupan akaun oleh Pelanggan sebelum CT.
 - (g) SD akan dikembalikan kepada HLISB sekiranya pembelian komoditi oleh HLISB daripada Pelanggan tidak berlaku disebabkan oleh pengembalian cek sebelum CT. Walau bagaimanapun HLISB boleh melepaskan haknya ke atas amaun SD.
- 2.5 Dagangan Komoditi (CT)
- Pelanggan akan berurusanniaga dalam jual beli bagi Komoditi-komoditi yang patuh Syariah untuk Deposit Bersih seperti berikut: -
- (a) CT akan diurusniagakan setiap hari pada Hari Dagangan pada masayang ditetapkan oleh HLISB;
 - (b) Sebagai peraturan am, CT akan dilaksanakan ke atas baki EOD pada Hari 1 atau apabila terdapat Deposit Bersih pada setiap hari berikutnya;
 - (c) CT akan didagangkan pada T+1 berdasarkan Deposit Bersih yang merupakan Harga Belian Pelanggan pada T. Harga Belian Pelanggan tidak termasuk cek apungan.
 - (d) Bagi Tawarruq CASA dimana keuntungan tertakluk kepada baki minimum yang dipersetujui, adalah seperti berikut:
 - CT akan dijalankan hanya apabila baki EOD pada hari 1 dalam bulan adalah bersamaan atau melebihi dari baki minimum yang dipersetujui.
 - Di dalam keadaan CT dijalankan pada hari 1, keuntungan tersebut hanya akan dibayar berdasarkan baki yang terendah dalam sepanjang bulan;
 - Di dalam keadaan tiada CT dalam Hari 1, keuntungan tidak akan dibayar untuk bulan tersebut.
- 2.6 Bagi tujuan CT, HLISB akan bertindak bagi pihak Pelanggan sebagai Ejen yang mutlak bagi jual beli Komoditi. Pelantikan sebagai Ejen akan berkuatkuasa selepas Pelanggan menandatangani kad spesimen atau apa-apa cara lain pada masa pembukaan akaun. Setiap kontrak jual dan beli bagi CT adalah terikat dan tidak boleh ditamatkan oleh salah satu pihak yang berkait dengan kontrak.
- 2.7 HLISB, sebagai Ejen kepada Pelanggan hendaklah menjaga kepentingan Pelanggan dan dengan niat suci hati sepanjang tempoh deposit, melaksanakan belian Komoditi secara tunai ("Transaksi Pembelian") melalui perjanjian pembelian, sijil-sijil dan instrumen lain sebagaimana Pelanggan boleh melakukan sendiri dan membuat rundingan dengan pembekal bagi pihak Pelanggan berhubung dengannya.

- 2.8 Komoditi akan dijual dalam “seperti mana sedia ada” tanpa sebarang representasi atau waranti yang berkenaan dengannya dan atas dasar perjanjian pembelian, sijil-sijil dan surat cara lain; kesemua pihak bersetuju untuk melepaskan liabiliti penjual untuk sebarang kerosakan atas Komoditi sebelum memasuki kontrak jual beli. Segala risiko akan dipindahkan kepada pembeli dan penjual bebas dari sebarang liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Komoditi dalam apa cara sekali. Sebarang kerosakan atau kegagalan dalam penghantaran atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Komoditi tidak akan dalam apa cara sekali mengakibatkan atau membebaskan segala kewajipan dan akujanji oleh pihak-pihak berkaitan dengan kontrak.
- 2.9 HLISB dengan ini berjanji untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan selepas pemilikan konstruktif Komoditi melalui Ejennya sebagaimana dibuktikan melalui e-sijil (atau mana-mana bukti pemilikan lain) daripada platform perdagangan komoditi pada Harga Jualan yang dipersetujui (Harga Belian dan Keuntungan) ditentukan selepas simpanan deposit. Formula untuk mendapatkan Harga Jualan dinyatakan dalam perkara 2.12.
- 2.10 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi HLISB terhadap:
- semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa jua yang dikemukakan oleh mana-mana pihak terhadap HLISB akibat bertindak sebagai Ejen bagi Pelanggan dalam transaksi CT.
 - atau bagi mana-mana pelanggaran kewajipan Pelanggan
- Pengecualian untuk sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pemungkiran, peninggalan, kecuai, pelanggaran kontrak oleh HLISB.
- Sekiranya Pelanggan bertanggungjawab oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten atas sebarang kerosakan walau apa pun yang tersebut di atas, jumlah keseluruhan liabiliti Pelanggan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal bagi urus niaga yang terlibat yang menimbulkan tuntutan tersebut.
- 2.11 Struktur kadar keuntungan akan ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu, berdasarkan yang berikut:
- Satu kadar rata tertakluk kepada baki minima;
 - Satu kadar rata tanpa tertakluk kepada baki minima;
 - Kadar keuntungan berperingkat tertakluk pada baki secara berperingkat; hanya satu kadar akan dikenakan pada baki EOD pada bila-bila masa;
 - Pecahan kadar adalah tertakluk pada baki peringkat yang berikut; kadar berbilang akan dikenakan pada baki EOD (jika berkenaan).
- Nota: Untuk (c) dan (d), Keuntungan Kontrak dan Harga Jualan akan sentiasa dikira pada kadar keuntungan peringkat tertinggi.
- 2.12 Pada Hari 1, keuntungan dan Harga Jualan akan dikira seperti berikut:
- Keuntungan pada Hari 1
Formula: $\text{Keuntungan } CT_1 = \text{Baki } EOD_1 \times \text{CPRX Tempoh} / 365$
 - Harga Jualan pada Hari 1
Formula: $\text{Baki } EOD_1 + \text{Keuntungan } CT_1$
- 2.13 Selepas Hari 1, sekiranya deposit adalah melebihi pengeluaran iaitu Deposit Bersih, Keuntungan dan Harga Jualan akan dikira seperti berikut:
- Keuntungan

Formula: Keuntungan $CT_n = \text{Baki } (EOD_n - EOD_{n-1}) \times CPR \times \text{Baki Hari } (N-n) / 365$

iaitu:

N ialah Tarikh Tamat Tempoh

n ialah Tarikh Semasa

(b) Harga Jualan

Formula: $\text{Baki } (EOD_n - EOD_{n-1}) + \text{Keuntungan } CT_n$

2.14 Rebat oleh Pelanggan akan berlaku pada situasi yang berikut:

(a) Pengeluaran melebihi deposit pada hari itu

Formula: $\text{Perbezaan Amaun} \times CPR \times \text{Baki Hari} / 365$

(b) Perubahan Kenaikan dalam CPR (Pelanggan dan HLISB akan memasuki kontrak baru dengan CPR yang lebih tinggi terhadap pembubaran kontrak yang terdahulu)

Formula: $\text{Baki EOD} \times CPR \text{ terdahulu} \times \text{Baki Hari} / 365$

(c) Apabila CPR adalah lebih tinggi daripada Kadar Keuntungan Efektif

Formula: $\text{Baki EOD} \times (CPR - \text{Kadar Keuntungan Efektif}) \times 1/365$

(d) Bagi Tawarruq CASA dimana keuntungan adalah berdasarkan kepada baki minimum yang dipersetujui, Rebat adalah perbezaan di antara keuntungan CT Hari 1 dan Keuntungan dikreditkan, jika berkenaan.

2.15 HLISB boleh mengetepikan hak untuk rebat yang diberi oleh Pelanggan, dalam bentuk keuntungan tambahan/bonus yang dibayar kepada Pelanggan, (jika berkenaan).

2.16 Harga Belian dan Keuntungan/baki keuntungan akan dikreditkan pada Tarikh Tamat Tempoh di mana urus niaga dianggap sebagai penyelesaian baki Harga Jualan untuk urus niaga Murabahah bagi tempoh tersebut.

2.17 Penyata akaun akan diberikan sebulan sekali atau pada tempoh yang ditetapkan oleh HLISB. Notis Tawarruq yang dijana secara automatik pada setiap bulan memperincikan yang berikut:-

(a) dagangan komoditi bagi bulan tertentu;

(b) jumlah keuntungan Tahun-Sehingga-Kini (YTD);

(c) keuntungan berkala dikreditkan YTD; dan

(d) Rebat YTD.

Cara pemberitahuan adalah seperti berikut:

(i) Bagi Pelanggan individu Tawarruq CASA-i, Pelanggan mestilah mendaftar untuk e-penyata di cawangan atau melalui Hong Leong Connect (HL Connect) untuk menerima Notis Tawarruq melalui e-mel atau dimuat turun melalui HL Connect.

(ii) Bagi Pelanggan bukan individu Tawarruq CA-i, Pelanggan boleh mendaftar untuk e-penyata melalui Perbankan Internet Korporat (CIB) untuk memuat turun melalui CIB; dan

(iii) Secara alternatif, Pelanggan boleh meminta salinan fizikal Notis Tawarruq dari mana-mana cawangan HLISB atau HLBB.

2.18 Pemilikan / Penyerahan Komoditi

(a) Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan mengambil milikan fizikal dan penyerahan Komoditi kepada Pelanggan adalah tertakluk kepada syarat-syarat minima

- dan memenuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan oleh platform perdagangan komoditi ;
- (b) Permintaan bagi pemilikan dan penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLISB atau HLBB pada waktu urus niaga perbankan; dan
 - (c) Pengaturan mengenai penyerahan atau penghantaran harus dibuat antara Pelanggan bersama dengan pembekal platform perdagangan komoditi di mana kos perbelanjaan penghantaran adalah ditanggung sendiri oleh Pelanggan.

Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat produk/ akaun yang tersenarai di dalam Terma dan Syarat Am. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kekaburan atau pertikaian dalam Terma dan Syarat ini dengan Terma dan Syarat bagi setiap produk/ akaun, maka Terma dan Syarat bagi setiap produk/ akaun akan digunapakai.

Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.